

Nikmat Perpaduan

MENGEDIT DAN MEMURNIKAN TEKS. HALAMAN 85

Amar bin Zakaria
No. 14, Jalan Seroja,
Taman Kencana,
09100 Kuala Ketil,
Kedah

30 Julai 2021

Buat tatapan sahabatku, Chong Seng di Segamat Johor semoga sihat sejahtera.
Saya di sini sahaja biasa-biasa.
Saudara

Bagaimanakah keadaan saudara di sana? Masih sibukkah lagi dengan urusan dan tugas sekolah. Biar apa pun yang saudara lakukan, saya doa agar semuanya berjalan dengan lancar.

Dalam surat saudara yang lalu, saudara ada bercerita tentang kedai basikal ayah saudara. Kedai itu maju kerana mendapat sambutan dari pelanggan yang berbilang bangsa.

Syukurlah, Chong Seng. Itulah nikmat perpaduan. Dengan adanya perpaduan, negara kita aman sejahtera. Rakyat dapat bekerja dan mencari rezki dengan selesa. Sebagai hasilnya, taraf ekonomi rakyat dapat dinaikkan. Negara pula menjadi semakin maju.

Baru-baru ini, seorang kenalan ayah saya darip Peranchis ada berkunjung ke negara kita. Beliau memuji rakyat Malaysia kerana mengutamakan perpaduan. Beliau telah mengambil keputusan untuk membuka perniagaan di negara kita. Pada pandangannya, negara kita istimewa cukup.

Hampir saya terlupa pula. Pada minggu hadapan saya akan ke Segamat untuk menghadiri majlis perkahwinan bapa saudara saya di sana. Kalau ada kesempatan, saya mahu mengunjungi ke rumah kamu. Bolehlah kita bersua muka nanti.

Cukuplah dulu coretan saya pada kali ini. Kalau ada lapang, berikan berita kepada saya. Bak kata orang, "hilang di mata, di hati jangan". Sehingga bertemu lagi, sambutlah salam mesra daripada saya untuk saudara sekeluarga. Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,

Amar

 LIVEWORKSHEETS